

29/05/1997

Pelantikan pengiktirafan kepada Perlis

KUALA LUMPUR, Rabu - Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, Datuk Azmi Khalid, yang dilantik timbalan menteri berkuatkuasa Sabtu ini, menganggap pelantikannya sebagai satu pengiktirafan kepada negeri Perlis.

Azmi yang juga Ahli Parlimen Padang Besar berterima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana mempunyai kepercayaan melantiknya sebagai timbalan menteri.

"Ini satu pengiktirafan kepada Perlis kerana kali terakhir seorang wakil rakyat dari negeri itu menjadi timbalan menteri ialah Datuk Radzi Sheikh Ahmad sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri kira-kira 10 tahun lalu," katanya.

Beliau berjanji melaksanakan tugas dengan sedaya upaya di samping memberi perhatian berat kepada kehendak rakyat.

Azmi dilantik Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih tempat Datuk Tajol Rosli Ghazali yang berpindah ke Kementerian Dalam Negeri menggantikan Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob yang dilantik menteri penuh.

(END)